

SOROTAN PERKEMBANGAN PROJEK ETIKA GLOBAL: KAJIAN TERHADAP YAYASAN ETIKA GLOBAL (GLOBAL ETHIC FOUNDATION)¹

Mohd Khairul Naim Che Nordin

Akademi Pengajian Islam. Universiti Malaya. 50603.
Kuala Lumpur. Malaysia.

Emel: khairulnaim@um.edu.my

Khulasah

Etika global (*global ethic*) merupakan sebuah gagasan idea berkenaan suatu asas etikal yang didakwa dikongsi oleh setiap manusia. Ia suatu nilai etika sepunya yang disebut diperakui kewujudannya oleh setiap agama dan ajaran falsafah. Aspek asas yang diangkat oleh pendokongnya ialah berkenaan aspek kemanusiaan di mana setiap manusia perlu dilayan secara manusiawi, adil dan saksama. Dari asas ini dikembangkan beberapa ciri dan kriteria yang membentuk suatu kerangka moral yang dinamakan sebagai etika global (*global ethic*). Bagi mengembang dan menyebarkan idea ini maka digerakkan beberapa projek dan aktiviti oleh sebuah pertubuhan yang dinamakan sebagai Yayasan Etika Global (Global Ethic Foundation) yang berpusat di Tubingen, Jerman. Makalah ini akan menyoroiti perkembangan pertubuhan ini. Ia juga akan meneliti aktiviti-aktiviti dan program yang telah dijalankan serta perancangan jangka panjang dalam memperkenalkan idea-idea etika global kepada masyarakat dunia. Perbincangan ini akan diakhiri

¹ Makalah ini merupakan versi kemas kini kertas kerja yang dibentangkan di Seminar Pemikiran Islam III, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya pada 26-27 September 2012. Penulis melahirkan penghargaan kepada Prof. Dr Hans Kung yang menyediakan fasiliti dan kemudahan untuk kajian penulis berkenaan etika global di Global Ethic Foundation dan Global Ethic Institute, Tubingen, Jerman.

dengan rumusan berkait dengan kedudukan etika global pada masa kini.

Kata kunci: etika global, nilai sepunya, kemanusiaan, Yayasan Etika Global

Abstract

Global ethic is an idea that claims an existence of one basic morality shared among people regardless of their race and religion since the beginning of humanity. It is founded on treatment among people that is humane and fair. From this foundation, the idea is elaborated into some attributes and criteria that form the moral framework that is collectively named as global ethic. To spread the idea, some activities are done under the Global Ethic Projects. This paper will review on the development of an organization that is directly related to Global Ethic Projects which is Global Ethic Foundation. It will also examine activities and programs held, as well as scrutinize the long-term planning of the organization in order to introduce global ethic to the world. The discourse will then be concluded with a summary on the current position of global ethic.

Keywords: global ethic, common value, humanity, Global Ethic Foundation

Pendahuluan

Etika global diperkenalkan oleh Hans Kung, seorang tokoh teologi dan penggiat dialog antara-agama.² Beliau

² Hans Kung merupakan professor emeritus di University of Tubingen, Jerman. Beliau pernah mengajar di Institute for Ecumenical Research, University of Tubingen dan kini merupakan presiden kepada Yayasan Etika Global (Global Ethic Foundation). Beliau merupakan penggiat dialog antara-tamadun dan antara-agama serta seorang sarjana teologi dan falsafah Eropah yang telah menerima pelbagai anugerah dan ijazah kehormat di peringkat antarabangsa. Atas ketokohnya beliau pernah dilantik menjadi penasihat rasmi Second Vatican Council atas lantikan Pope John XXIII. Walaubagaimanapun ijazah mengajar beliau telah ditarik oleh Vatican pada tahun 1979 kerana penentangannya terhadap doktrin

menggambarkan gagasan ini sebagai "sebuah konsensus asas tentang nilai-nilai yang mengikat, kriteria yang tidak boleh dibatalkan dan sikap dasar peribadi manusia" yang telah sedia wujud dalam setiap ajaran agama dan falsafah semenjak dahulu hingga kini.³ Menurut Hans Kung, ia bukan agama, ajaran atau ideologi baru yang menggantikan ajaran dan nilai etika yang sedia ada tetapi didakwa telah dipercayai dan diamalkan oleh semua manusia dari pelbagai agama dan kepercayaan sejak wujudnya peradaban manusia di dunia ini. Dua teras penting bagi etika global ialah konsep kemanusiaan iaitu layanan saksama sesama manusia secara manusiawi (*every human being must be treated humanely!*)⁴ dan rukun emas (*golden rule*) iaitu "layanilah orang lain sepertimana kamu mahu orang lain melayani kamu" atau "apa yang anda tidak mahu dilakukan terhadap anda, jangan lakukannya terhadap orang lain" (*Treat others as you would like to be treated*) atau "*Do not treat others as you would not like to be treated*)⁴.

Gagasan idea yang dibawa oleh Kung ini telah mendapat perhatian masyarakat dunia selepas tema-tema penting etika global yang ditulis oleh beliau telah disusun dan seterusnya dijadikan sebagai deklarasi dalam persidangan Parlimen Agama-Agama Dunia di Chicago, Amerika Syarikat pada tahun 1993, iaitu persidangan yang menghimpunkan ribuan perwakilan agama-agama dari

kemaksanaan Pope serta beberapa doktrin rasmi gereja Katolik. Beliau juga merupakan individu yang berperanan menyediakan draf Deklarasi ke arah Pengisytiharan Etika Global semasa persidangan Parlimen Agama-Agama Dunia pada 4 September 1993 di Chicago, Amerika Syarikat. Hans Kung, *My Struggle for Freedom* (New York: Continuum, 2004), 85.

³ Hans Kung, *A Global Ethic for Global Politics and Economics* (New York: Oxford University Press, 1998), 105.

⁴ *Ibid.*, 110.

seluruh dunia.⁵ Bagi menggiatkan lagi projek etika global maka sebuah yayasan ditubuhkan untuk menggerakkannya.

Makalah ini menyoroti perkembangan sebuah pertubuhan yang berkait langsung dalam menjalankan projek etika global iaitu Yayasan Etika Global (Global Ethic Foundation). Ia juga akan meneliti aktiviti-aktiviti dan program yang telah dijalankan serta perancangan jangka panjang mereka dalam memperkenalkan etika global kepada masyarakat dunia. Perbincangan ini akan diakhiri dengan rumusan berkait dengan kedudukan etika global pada masa kini.

Sejarah penubuhan

Penubuhan Yayasan Etika Global telah diasaskan oleh Count Karl Konrad von der Groeben (1918-2005) seorang usahawan dari Jerman pada tahun 1995. Idea kepada penubuhan yayasan ini lahir selepas beliau mendapat inspirasi hasil pembacaan sebuah buku yang ditulis oleh Hans Kung berjudul *Global Responsibility* yang diterbitkan pada tahun 1990⁶. Hasilnya, beliau telah

⁵ Karl-Josef Kuschel, "Parliament of the World's Religions 1893-1993," dalam *A Global Ethic: A Declaration of the Parliament of the World's Religions*, ed. Hans Kung dan Karl-Josef Kuschel (New York: The Continuum International Publishing Group, 2006), 110. Untuk rujukan lanjut sila lihat UN Commission for Global Governance, *Our Global Neighborhood: Report of the Commission on Global Governance* (Oxford: Oxford University Press 1995) dan Council for a Parliament of the World's Religions, *Declaration Toward a Global Ethic* (New York: Continuum Publishing, 1993). Deklarasi ini juga boleh dimuat turun di laman sesawang majlis parlimen:

http://www.parliamentofreligions.org/_includes/FCKcontent/File/TowardsAGlobalEthic.pdf.

⁶ The Global Ethic Foundation, *Global Ethic Foundation* (t.t.t: t.p, t.t), 4; *History of the Foundation*, laman sesawang Global Ethic Foundation, dicapai 8 September 2010, <http://www.weltethos.org/data-en/c-10-stiftung/11a-die-stiftung.php>. Buku ini merupakan karya pertama yang menghuraikan gagasan

menyumbang sejumlah besar wang untuk penubuhan sebuah yayasan yang dinamakan Global Ethic Foundation (Yayasan Etika Global) serta usaha-usaha penyebaran etika global.⁷ Beliau percaya idea-idea etika global perlu diterapkan kepada masyarakat dalam pelbagai bidang bagi melahirkan sebuah persekitaran dunia yang lebih adil dan saksama.⁸

etika global dan antara karya penting yang memaparkan Kung sebagai individu terawal dan pertama mengagaskan konsep ini. Menurut Kung, idea berkenaan etika global lahir selepas beliau mengadakan beberapa perbincangan dan dialog pada tahun 1980-an dengan agamawan dari pelbagai agama, pakar dalam pengajian keagamaan dan tokoh-tokoh humanis. Beberapa pergolakan yang berlaku pada waktu itu mendorong beliau untuk mencadangkan peranan agama dalam masyarakat dengan memperkenalkan tesisnya iaitu 'tiada keamanan antara negara tanpa keamanan antara agama'. Idea ini kemudiannya dibukukan dengan tajuk "*Projek Weltethos*" (*Global Responsibility: In Search of a New World Ethic*). Lihat *The Global Ethic, Global Ethic Foundation*, 4 dan *Global Ethic and Religions*, laman sesawang *The Global Ethic Foundation*, dicapai 7 Oktober 2010, <http://www.weltethos.org/data-en/c-20-aktivitaeten/21-100-religionen.php>.

⁷ History of the Foundation, laman sesawang *The Global Ethic Foundation*.

⁸ Count Groeben telah menjual syarikatnya dengan tujuan untuk memberi sumbangan bermanfaat di hari-hari tuanya. Beliau akhirnya menghubungi Hans Kung pada tahun 1995 dan memaklumkan kesudiannya untuk menyumbang sejumlah wang sebagai usaha mengangkat etika global ke khalayak masyarakat. Selepas memperolehi gelaran profesor emeritus pada tahun 1996, Hans Kung berhenti mengajar di Universiti Tubingen dan bersetuju menggerakkan projek etika global melalui sumbangan tersebut. Count Groeben telah menyumbang 5 juta Deutschmark seperti yang dijanjkannya. Dengan sumbangan tersebut, sebuah yayasan telah dibuka di Waldhauser Strasse 23, Tubingen, Jerman. Ia merupakan bangunan dua tingkat yang menempatkan empat bilik pejabat, ruang perpustakaan yang kebanyakannya terdiri dari buku-buku berkenaan etika global serta buku-buku agama serta kediaman Hans Kung sendiri. Yayasan ini secara rasminya dibuka pada 23 Oktober 1995 dengan Hans Kung dilantik sebagai presiden. Atas usaha dan sumbangan yang diberikan, Count Groeben diisytiharkan sebagai pengasas bagi yayasan ini. Maklumat ini berdasarkan observasi

Yayasan Etika Global berpusat di Tübingen, Jerman dan terdapat beberapa cawangan lain telah ditubuhkan di beberapa negara seperti Switzerland⁹, Austria, Republik Czech, Hungary, Brazil, Colombia, Mexico dan China.¹⁰ Dari sudut organisasi, yayasan ini diketuai oleh Hans Kung selaku Presiden dan dibantu oleh Karl-Josef Kuschel selaku naib presiden. Ia turut mempunyai lembaga penasihat yang berperanan membincangkan aktiviti-aktiviti yang relevan untuk yayasan dan perihal ruang lingkup dana untuk menganjurkan aktiviti bagi mengembangkan etika global.¹¹

Matlamat Yayasan Etika Global

Yayasan Etika Global menggariskan tiga matlamat untuk penubuhannya. Matlamat ini juga turut disertakan dengan strategi yang berperanan untuk mencapai matlamat tersebut iaitu¹²:

penulis yang berpeluang melakukan penyelidikan di yayasan tersebut serta bersumberkan draf buku 'A Global Ethic Handbook' yang masih dalam proses penerbitan dalam bahasa Inggeris. Draft ini diperolehi oleh penulis dari Dr. Guenther Gebhardt, koordinator untuk Yayasan Etika Global. Ia dikatakan draft yang sudah sempurna dan boleh dijadikan rujukan untuk penyelidikan mengenai yayasan.

⁹ Yayasan Etika Global di Switzerland ditubuhkan pada tahun 1996 hasil sumbangan Martita Jöhr-Rohr (1912-2008) seorang filantropis yang turut terinspirasi dari pembacaan buku Hans Kung berkenaan etika global. Sebuah pejabat ditubuhkan di Zurich, Switzerland dengan Hans Kung turut dilantik sebagai presidennya. Draft buku 'A Global Ethic Handbook'.

¹⁰ *The Global Ethic Foundation Worldwide*, laman sesawang The Global Ethic Foundation, dicapai 8 September 2010, <http://www.weltethos.org/data-en/c-10-stiftung/14-international.php>.

¹¹ *Organization of the Foundation*, laman sesawang The Global Ethic Foundation, dicapai 8 September 2010, <http://www.weltethos.org/data-en/c-10-stiftung/12-organisation.php>.

¹² The Global Ethic, *Global Ethic Foundation*, 5 dan Aims of the Foundation, laman sesawang The Global Ethic Foundation, dicapai 8 September 2010, <http://www.weltethos.org/data-en/c-10-stiftung/11-die-stiftung.php>.

- i. Menjalankan dan menggalakkan penyelidikan antara-budaya dan antara-agama. Matlamat ini dicapai melalui usaha penyelidikan berkaitan teologi dan asas agama-agama khususnya menerusi penerbitan akademik (buku dan artikel) berkenaan persefahaman antara budaya, agama dan mazhab.
- ii. Mengimplementasikan pendidikan antara-budaya dan antara-agama. Ia dicapai melalui pengajaran dan syarahan yang berperanan menyebarkan hasil penyelidikan yang ditaja oleh yayasan khususnya berkenaan idea-idea yang berkaitan dengan asas etika global. Ia disasarkan kepada gereja, kolej, akademi, sekolah, universiti dan pelbagai kumpulan yang berminat sama ada di peringkat nasional atau antarabangsa. Selain itu, yayasan juga akan menaja mereka yang berminat kepada idea-idea yang dibawa dalam etika global ke persidangan, ceramah, seminar atau bengkel berkenaan etika global. Yayasan turut menyediakan geran untuk penterjemahan dan salinan semula penulisan yang telah diterbitkan khusus berkenaan topik etika global. Ia bertujuan memastikan penerbitan ini berada dan beredar di luar kawasan yang menggunakan bahasa Jerman seperti di tengah dan timur Eropah dan Asia Timur. Antara strategi yang digariskan juga ialah dengan mempromosikan etika global melalui media-media (rencana akhbar, wawancara, radio dan program-program televisyen).
- iii. Menyokong dan menggalakkan pertemuan (dialog) antara-budaya dan antara-agama yang diperlukan untuk penyelidikan dan pendidikan. Strategi ini dicapai dengan mengadakan inisiatif rangsangan dan galakan kepada masyarakat berkenaan kepentingan persefahaman antara manusia. Contohnya dengan membina keyakinan dan persefahaman antara agama. Selain itu, yayasan akan mempromosikan pertemuan

antara masyarakat yang berbeza budaya dan agama melalui kolokium, kembara sambil belajar dan kongres. Turut dibangunkan ialah rangkaian antara budaya dan agama yang sedia ada tetapi kali ini dipergiatkan untuk etika global. Strategi terakhir ialah dengan memudahkan akses kepada dokumen-dokumen utama dan penulisan berkait etika global dengan bantuan teknologi komunikasi moden.

Oleh itu, tiga matlamat yang digariskan oleh Yayasan Etika Global ialah melaksanakan penyelidikan berkenaan etika global, mengetengahkan hasil penyelidikan melalui pelbagai aktiviti dan menganjurkan pertemuan antara pihak berlainan budaya dan agama. Kesemua matlamat ini berperanan memberi kefahaman berkenaan idea-idea etika global dan memupuk persefahaman antara masyarakat yang berbeza melalui medium etika sepunya ini. Ketiga-tiga matlamat ini disesuaikan dengan tema yayasan itu sendiri iaitu "untuk penyelidikan, pendidikan dan pertemuan antara-budaya dan antara-agama" (*For Intercultural and Inter-religious Research, Education and Encounter*).¹³

Justeru dua usaha utama yang dilaksanakan oleh pihak yayasan ialah melalui penganjuran aktiviti-aktiviti dan projek penyelidikan serta penulisan. Dari sudut aktiviti, terdapat pelbagai perancangan dan projek yang telah dilaksanakan oleh Yayasan Etika Global. Ia boleh dibahagikan kepada tujuh bidang iaitu agama, politik, ekonomi, pendidikan, muzik dan sukan. Tujuh aspek ini berfungsi sebagai medium yang digunakan oleh yayasan dalam mengembangkan idea-ideanya. Oleh itu, beberapa aktiviti dilaksanakan berdasarkan bidang-bidang tersebut¹⁴.

¹³ *Ibid.*

¹⁴ *Ibid.*, 6-9.

a. Agama

Dari sudut agama, terdapat tiga aktiviti yang dijalankan oleh yayasan iaitu penerbitan pelbagai buku agama oleh ahli-ahli jawatankuasa yayasan, penganjuran pameran dan projek multimedia serta penglibatan dalam program-program antara-agama. Aktiviti penerbitan buku-buku berkenaan pelbagai agama dan dialog antara-agama serta antara-peradaban adalah antara usaha awal pendokong etika global dalam mengembangkan gagasan yang dibawa.

Dalam konteks ini ahli-ahli jawatankuasa terlibat secara langsung dalam usaha penulisan ini antaranya ialah Hans Kung selaku presiden, Stephan Schlenzog selaku setiausaha agung, Karl-Josef Kuschel selaku penasihat akademik dan lain-lain. Beberapa buku pula diterjemahkan ke pelbagai bahasa bagi memastikan ia terus tersebar dan melangkaui pelbagai golongan sasaran.

Hans Kung sendiri telah menulis beberapa buah buku yang menyentuh berkenaan agama secara langsung dan kepentingan etika global sebagai asas yang menghubungkan agama-agama tersebut. Antara karya-karya penting beliau dalam konteks ini ialah tiga buah buku agama-agama utama dunia iaitu *Judaism*¹⁵, *Christianity*¹⁶ dan *Islam*¹⁷. Karl-Josef Kuschel turut menulis beberapa buku berkenaan disiplin antara-agama seperti *Abraham*¹⁸ dan *Juden, Christen, Muslime*¹⁹.

Terdapat juga beberapa tulisan lain berkenaan agama dan hubungannya dengan etika global seperti yang ditulis

¹⁵ Lihat Hans Kung, *Judaism: Between Yesterday and Tomorrow* (New York: Continuum, 1995).

¹⁶ Lihat Hans Kung, *Christianity: Its Essence and History* (London: SCM Press, 1995).

¹⁷ Lihat Hans Kung, *Islam: Past, Present and Future* (Oxford: Oneworld Publications, 2007).

¹⁸ Lihat Karl Josef Kuschel, *Abraham: Sign of Hope for Jews, Christians and Muslims* (New York: Continuum, 1995).

¹⁹ Lihat Karl Josef Kuschel, *Juden, Christen, Muslime: Herkunft und Zukunft* (Dusseldorf: Patmos, 2007),

oleh Schlensoğ dan Bauschke berkenaan agama Hindu²⁰, perbandingan agama²¹ dan *Abrahamic Religion*²². Dalam konteks ini Yayasan Etika Global tidak menerbitkan buku-buku tersebut tetapi ia berperanan menyebarkannya.²³ Walau bagaimanapun buku-buku ini kebanyakannya ditulis dalam bahasa Jerman dan Inggeris. Keterbatasan bahasa yang digunakan mungkin akan membataskan juga penyebaran kefahaman etika global khususnya kepada masyarakat yang tidak menggunakan kedua-dua bahasa ini. Selain itu buku-buku ini pula beredar di kawasan tertentu sahaja dan kebanyakannya di sekitar negara-negara Eropah dan terbatas di tempat-tempat yang lain.

Selain itu, pihak yayasan turut mengambil inisiatif menjalankan projek multimedia yang dinamakan sebagai *Tracing the Way* iaitu dokumentari tujuh siri bertajuk "*On the Trail of the World Religions*" berkenaan penerokaan Hans Kung sendiri ke seluruh dunia dalam menjejaki agama-agama yang wujud di dunia ini, dari 'agama tertua' yang dikenal pasti telah wujud oleh ahli sosiologi sehingga agama-agama yang masih diamalkan kini. Turut diterbitkan ialah buku bergambar berkenaan dokumentari tersebut dan CD-ROM yang turut dikeluarkan sebagai material tambahan.²⁴

Pameran yang dianjurkan pula dinamakan sebagai "*World Religions – Universal Peace – Global Ethic*" yang telah dimulakan sejak tahun 2000 dan dipersembahkan

²⁰ Lihat Stephan Schlensoğ, *Der Hinduismus* (Munich: Piper, 2006).

²¹ Lihat Stephan Schlensoğ, *Die Weltreligionen für die Westentasche* (Munich: Piper, 2008).

²² Lihat Martin Bauschke, *Der Spiegel des Propheten: Abraham im Koran und im Islam* (Frankfurt: Lembeck, 2008).

²³ *Global Ethics and Religions*, laman sesawang The Global Ethic Foundation.

²⁴ *Project "Tracing the Way"*, laman sesawang The Global Ethic Foundation, dicapai 9 November 2010, <http://www.weltethos.org/data-en/c-300projekte/31b-100-spurensuche.php>.

dalam pelbagai bahasa di lokasi yang pelbagai.²⁵ Ini dilihat antara usaha yayasan memperkenalkan etika global kepada masyarakat umum dan tidak tertakluk kepada ahli akademik, tokoh agama dan ahli-ahli politik sahaja. Dalam konteks penglibatan dalam seminar dan wacana antara-agama dan antara-budaya pula, beberapa tokoh dalam yayasan terlibat secara aktif dalam program-program ini. Hans Kung sebagai contoh terlibat aktif secara konsisten selaku pembentang dalam banyak seminar antara agama dan antara peradaban yang diadakan di seluruh dunia.²⁶

²⁵ Slot pameran ini terdiri dari dua belas panel. Enam daripadanya berkenaan enam agama utama dunia iaitu Hindu, 'Chinese Religion', Buddha, Yahudi, Kristian dan Islam, dua panel berkenaan "Golden Rule" dan "Principle of Humanity" dan empat panel berkenaan "four basic ethical standards." Pameran ini juga pernah dianjurkan di Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang di bawah anjuran bersama Yayasan Etika Global, USM, Konrad-Adenauer-Foundation dan Malaysian Interfaith Network. *The Penang Global Ethic Project* turut dianjurkan sebagai salah satu projek usahasiswa tersebut. Ia menganjurkan siri-siri syarahan, forum dan pameran di Pulau Pinang yang dipilih berdasarkan lokasinya yang menghimpunkan pelbagai agama dan bangsa di lokasi yang sama. *Practical Projects and Activities: The Penang Global Ethic Project in Malaysia*, laman sesawang The Global Ethic Foundation, dicapai 10 September 2010 <http://www.weltethos.org/data-en/c-30b-projekte/32-0108-penang.php>.

²⁶ Dicatatkan terdapat beberapa program penting yang dihadiri oleh Hans Kung serta ahli-ahli jawatankuasanya dalam usaha menyebarkan idea-idea etika global di luar benua Eropah seperti di *Chinese Academy for the Social Sciences*, Beijing, 2nd *International Conference on Sinology* di Renmin University, Beijing, *Institute for Advanced Humanistic Studies at Peking University* (Beida) dan *Centre for World Religions and a Global Ethic*, Peking, China. Selain itu mereka turut mengadakan program di Kuala Lumpur dan Pulau Pinang, Malaysia serta beberapa aktiviti lain di Indonesia, Bangladesh, India, Mesir, Syria, Lubnan, Columbia, Mexico dan Brazil. Draf 'A Global Ethic Handbook'.

b. Politik

Selain itu, pihak yayasan turut menggunakan medium politik dalam mengembangkan idea-idea yang dibawanya. Bahkan, persoalan politik menjadi fokus dan perhatian utama dalam konteks etika global itu. Aktiviti etika global dalam aspek politik boleh dibahagikan melalui dua medium iaitu melalui Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) selaku badan dunia serta penganjuran simposium politik dan syarahan perdana (*Global Ethic Lectures*) yang dianjurkan sendiri oleh pihak yayasan.

Berkenaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, yayasan melalui presidennya, Hans Kung telah memainkan peranan penting dalam menggariskan resolusi pengisytiharan Tahun Dialog antara Peradaban Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (*United Nations Year of Dialogue between the Civilizations*) di persidangan badan dunia tersebut pada tahun 2001.²⁷ Ia berdasarkan cadangan Presiden Khatami dari Iran pada tahun 1998 yang mengusulkan dianjurkan 'Tahun Dialog antara Agama dan Peradaban' di peringkat PBB.

Selain itu, situasi semasa pada waktu itu antaranya peristiwa 11 September 2001 di New York turut mendesak badan dunia itu mengangkat isu pertembungan peradaban dan budaya sebagai topik penting yang perlu difahami masyarakat dunia.²⁸ Setiausaha Agung PPB ketika itu, Kofi Annan telah memberi tanggungjawab kepada Kung selaku Presiden Yayasan Etika Global serta beberapa individu lain untuk mengenal pasti apa yang dikatakan sebagai 'prinsip-prinsip paradigma baru dalam hubungan antarabangsa' bagi menangani kemelut pertembungan yang berlaku pada waktu tersebut.

²⁷ Global Ethic and Politics: Global Ethic at the United Nations, laman sesawang The Global Ethic Foundation, dicapai 8 November 2010, <http://www.weltethos.org/data-en/c-20-aktivitaeten/21-200-politik.php>.

²⁸ *Ibid.*

Hasilnya, prinsip-prinsip itu dicirikan melalui dialog dan persefahaman berasaskan nilai moral yang dikongsi bersama atau rumusannya ialah etika global.²⁹ Perhimpunan Agung PBB kali ke-56 telah membincangkan usaha di atas dan Hans Kung telah diberi penghormatan untuk membaca kenyataan hasil dari perbincangan tersebut. Laporan ini kemudiannya diterbitkan di bawah tajuk *Crossing the Divide: Dialogue among Civilizations*. Hasil dari laporan tersebut, Perhimpunan Agung PBB pada 9 November 2001 telah meluluskan resolusi enam perkara (*article*) yang bertajuk *Global Agenda for the Dialogue among Civilizations*.³⁰ Perkara yang kedua berkenaan objektif dialog menjelaskan secara langsung peranan etika global dalam dialog antara peradaban.³¹

Seiring dengan pencapaian resolusi tersebut juga, pihak yayasan mengambil inisiatif menganjurkan pameran "*World Religions - Universal Peace - Global Ethic*" di ibu pejabat PBB di New York.³² Bagi pihak yayasan, ini merupakan pencapaian terbaik dalam mengembangkan etika global ke peringkat antarabangsa. Resolusi PBB pada November 2001 dan laporan "*Crossing the Divide*" dinyatakan sebagai kejayaan etika global menembusi peringkat tertinggi dalam politik antarabangsa.³³

²⁹ *Ibid.*

³⁰ Untuk meneliti resolusi yang telah digariskan dan dipersetujui sila rujuk laman sesawang The Global Ethic Foundation, dicapai 8 November 2010, <http://www.weltethos.org/1-pdf/20-aktivitaeten/deu/politik/UN-resolution-2001.pdf>. Konsep etika global dizahirkan secara umum dan boleh diteliti pada bahagian pengenalan.

³¹ Dalam perkara dua resolusi, terdapat tujuh objektif digariskan berkenaan matlamat dialog. Kesemua objektif tersebut berkait dengan etika global sama ada secara langsung ataupun tidak langsung.

³² *Global Ethic and Politics: Global Ethic at the United Nations*, laman sesawang The Global Ethic Foundation.

³³ *Ibid.*

Selain itu, etika global turut dikembangkan melalui simposium dan syarahan berkala. Antaranya simposium yang berkait langsung dengan persoalan politik iaitu simposium *A New Paradigm for International Relations? Ethical Challenges for the Shaping of Global Politics* yang dianjurkan oleh yayasan pada tahun 2002 di Tübingen, Jerman.³⁴ Turut dianjurkan ialah siri-siri syarahan umum etika global dinamakan sebagai '*Global Ethic Lectures*' yang disampaikan oleh tokoh-tokoh jemputan yang membentangkan etika global menurut perspektif lapangan yang mereka ceburi. Sebahagiannya adalah ahli-ahli politik seperti Tony Blair, bekas Perdana Menteri Britain dan Helmut Schmidt bekas Canselor Jerman serta tokoh-tokoh dalam pertubuhan antarabangsa seperti Kofi Annan sebagai Setiausaha Agung PBB dan Mary Robinson selaku Pesuruhjaya Hak Asasi Manusia PBB.

Pemilihan beberapa orang tokoh di peringkat antarabangsa ini juga dilihat sebagai usaha yayasan memartabatkan etika global ke peringkat global.³⁵ Walaupun ia hanya mewakili badan tertentu namun ia cukup menggambarkan wujudnya sokongan padu beberapa pertubuhan yang dominan di peringkat antarabangsa sekaligus dilihat mewakili sokongan global.

c. Ekonomi

Yayasan Etika Global turut mengembangkan usahanya melalui tema ekonomi. Aspek ekonomi turut memberi pengaruh dan kesan besar kepada masyarakat dunia. Krisis dan skandal ekonomi dunia yang berlaku pada tahun

³⁴ *Ibid.*

³⁵ Antara tokoh lain yang dijemput selain yang dinyatakan di atas ialah Horst Köhler, bekas Presiden Jerman, Shirin Ebadi pemenang nobel keamanan, Jacques Rogge Presiden Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa, Desmond Tutu Archbishop dan pemenang nobel keamanan, dan Stephen K. Green bekas pengerusi kumpulan HSBC Holdings. *Ibid* dan *The Global Ethic, Global Ethic Foundation*, 9-10.

1990-an dan tahun-tahun selepas itu mendorong pihak yayasan menumpukan kepada perbincangan kerangka etika dalam ekonomi global. Oleh itu, aspek ekonomi diberi perhatian yang serius oleh etika global.

Terdapat dua usaha yang dilaksanakan dalam mengembangkan seterusnya memartabatkan etika global dalam aspek ekonomi. Usaha pertama dilakukan oleh Hans Kung sendiri yang menghasilkan buku bertajuk *A Global Ethic for Global Politics and Economics*. Buku ini menghuraikan keperluan dunia kepada ekonomi yang bertunjangkan kerangka etika dan meninggalkan sistem ekonomi yang berpaksikan ketidakadilan dan monopoli sesetengah pihak. Justeru ia merupakan hasil pertama yang membuka ruang kepada etika global membincangkan peranannya dalam membentuk kerangka etika untuk ekonomi dunia.³⁶

Usaha kedua pula ialah melalui pembentukan manifesto ekonomi oleh pihak yayasan. Manifesto *Global Economic Ethic - Consequences for Global Businesses* menggariskan mengenai aspek etika bagi ekonomi global sebagai paksi penting dalam pelbagai lapangan aktiviti ekonomi.³⁷ Ia tidak terhenti di situ sahaja tetapi diangkat

³⁶ Global Ethic and Economy, laman sesawang The Global Ethic Foundation, dicapai 10 November 2010, <http://www.weltethos.org/data-en/c-20-aktivitaeten/21-300-wirtschaft.php>.

³⁷ Manifesto ini menggariskan dua prinsip dan tiga belas artikel yang harus dipenuhi semua pihak yang terlibat dalam aktiviti ekonomi di semua peringkat. Prinsip pertama ialah kemanusiaan, iaitu menghormati maruah setiap manusia selayaknya mereka sebagai manusia. Oleh itu dalam etika ekonomi, mengangkat martabat manusia adalah tujuan yang tertinggi. Prinsip kedua pula ialah berkenaan nilai-nilai asas untuk aktiviti ekonomi global. Antaranya menghormati kehidupan dan tiada keganasan, keadilan dan solidariti, kejujuran dan toleransi serta saling menghormati sesama manusia. The Global Ethic Foundation, *Global Economic Ethic - Consequences for Global Businesses* (Tubingen: Global Ethic Foundation, 2009), 4-10.

ke peringkat antarabangsa. Pada tahun 2009, manifesto ini telah dibentangkan di ibu pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, PBB hasil kerjasama UN Global Compact, Swiss Permanent Mission to the United Nations, dan Novartis Foundation. Ia ditandatangani oleh individu berpengaruh dari pelbagai bidang dan lapangan.³⁸

Manifesto ini kemudiannya dibentang dan dibincangkan di pelbagai program peringkat antarabangsa seperti di Universiti Peking, China, di simposium tahunan Novartis Foundation di Basel, di sidang Parlimen Agama-Agama Dunia (Parliament of World Religions) di Melbourne pada 2009 dan di UN Global Compact Leaders Summit di New York pada 23 - 25 Jun 2010.³⁹ Yayasan Etika Global turut mencipta sebuah laman sesawang khusus bagi mempromosi dan menyebarkan manifesto ini.⁴⁰

d. Pendidikan

Yayasan Etika Global turut menumpukan usaha-usaha mengembangkan ideanya melalui pendidikan khususnya di peringkat sekolah. Ia boleh dibahagikan kepada dua bentuk iaitu melalui usaha pendidikan secara tidak rasmi seperti penganjuran pertandingan di sekolah atau pendidikan secara rasmi seperti latihan kepada guru-guru sekolah. Bagi pihak yayasan, penerangan kepada

³⁸ Antara tokoh yang menandatangani manifesto ini ialah James Wolfensohn, bekas Presiden Bank Dunia, Daniel Vasella, CEO Novartis, Juan Somavia, Pengarah Urusan Organisasi Buruh Antarabangsa (International Labour Organization (ILO)), Putera Al-Hassan bin Talal dari Jordan (Augsburg Peace Prize Laureate 2008) dan Desmond Tutu, Nobel Peace Prize Laureate dari Afrika Selatan. *Global Ethic and Economy*, laman sesawang The Global Ethic Foundation.

³⁹ *Ibid.*

⁴⁰ Laman sesawang ini menyediakan teks manifesto, senarai penyumbang, maklumat berkenaan proses mempromosikannya serta menyediakan bahagian yang menjemput sesiapa yang berminat dengan projek ini sebagai penandatanganan atau penyokong kepada manifesto. Ia boleh dilayari di www.globaleconomicethic.org.

kepentingan etika global perlu didedahkan sejak kecil. Ini kerana didikan sewaktu kecil khususnya dalam aspek perhubungan sosial akan mempengaruhi pembentukan sikap dan perwatakan seseorang apabila dewasa kelak. Keluarga, pendidikan pra-sekolah dan sekolah antara lokasi penting kepada kanak-kanak dalam mempelajari perilaku etika. Justeru, pihak yayasan menumpukan kepada peringkat persekolahan dengan bekerjasama bersama pihak sekolah dalam mengembangkan etika global melalui medium pendidikan.⁴¹

Yayasan Etika Global menggariskan dua tunjang dalam gerak kerja pendidikan iaitu i. *communication of ethical competence* dan; ii. *communication of intercultural competence*. Berdasarkan dua matlamat pendidikan ini, yayasan menggalakkan penyelidikan asas seterusnya mengkaji kaedah komunikasi ini mengikut cara yang sesuai untuk pelbagai kumpulan sasaran.⁴²

Antara kejayaan yang dicapai oleh pihak yayasan dalam konteks pendidikan ini ialah kejayaan menarik guru-guru di sekolah untuk terlibat secara langsung dalam gerak kerja yayasan selaku sukarelawan. Para guru ini terlibat dalam seminar dan kursus pengajaran etika global, memberi syarahan di sekolah dan gereja, menganjurkan pelbagai projek untuk kanak-kanak dan remaja serta membantu pihak sekolah dalam menyediakan kod-kod etika untuk sekolah.⁴³ Selain itu, terdapat pelbagai projek sekolah yang dianjurkan oleh yayasan seperti pertandingan antara kelas yang menumpukan pembangunan bilik kelas bertemakan konsep antara-agama atau komunikasi nilai dalam etika global. Terdapat juga pertandingan projek pembelajaran kreatif antara

⁴¹ Activities of the Foundation: Global Ethic in the School, laman sesawang The Global Ethic Foundation, dicapai 10 Oktober 2010, <http://www.weltethos.org/data-en/c-20-aktivitaeten/21-400-schule.php>.

⁴² *Ibid.*

⁴³ *Ibid.*

sekolah yang bertemakan etika global (WASP - World Ethic School Prize).⁴⁴

Dalam konteks pendidikan secara langsung dan rasmi pula, pihak yayasan menyediakan koleksi material untuk pengajaran etika global dalam bahasa Jerman iaitu *Weltethos in der Schule (Global Ethic in the schools)*.⁴⁵ Turut diusahakan ialah latihan pengajaran untuk para guru khususnya dalam bidang antara-agama. Latihan ini berpandukan material yang disediakan seperti di atas. Dengan latihan yang diberikan, pihak yayasan berharap agar etika global mampu dikembangkan secara tersusun dan berdasarkan perspektif yang digariskan oleh mereka ke sekolah-sekolah.⁴⁶

Di samping itu, terdapat tiga usaha yang telah berjaya dilaksanakan di peringkat pengajian tinggi. Usaha pertama ialah usahasama pihak yayasan dengan Pedagogical College of Central Switzerland di Switzerland untuk membuka sebuah pusat yang dinamakan "Global Ethic Competence Centre". Pusat ini berperanan membangunkan tema-tema etika global dalam latihan pengajaran para guru dan menghasilkan material untuk kegunaan pengajaran.⁴⁷

Bagi usaha kedua, Global Ethic Foundation di China dengan kerjasama Sino-Christian Studies telah menterjemahkan material pengajaran etika global ke bahasa Cina untuk para guru di Hong Kong. Material pengajaran ini juga diterapkan ke dalam kurikulum dan buku-buku teks untuk para pelajar. Pada tahun 2011, buku teks etika global untuk sekolah-sekolah telah diterbitkan untuk pasaran China.⁴⁸

⁴⁴ *Ibid.*

⁴⁵ *Ibid.*

⁴⁶ *Ibid.*

⁴⁷ *Ibid.*

⁴⁸ Draf buku 'A Global Ethic Handbook'.

Berkenaan usaha ketiga, pihak yayasan berjaya menubuhkan Institut Etika Global (Global Ethic Institute) hasil idea Hans Kung sendiri. Ia lahir dari usaha sama antara pihak yayasan dengan pihak University of Tübingen, Jerman. Keputusan penubuhan institut ini dicapai dalam mesyuarat senat antara pihak universiti dengan pihak yayasan pada bulan Mei 2011 dan ia memulakan gerak kerjanya pada permulaan semester musim panas 2012.⁴⁹ Institut ini dikatakan mempunyai struktur istimewa kerana ia berada di bawah dua pertubuhan iaitu yayasan dan universiti. Oleh hal yang demikian ia bukannya sebuah badan bebas tetapi mempunyai hubungan yang erat dengan yayasan dan tertakluk dengan pengajian universiti.⁵⁰

Institut ini dibiayai oleh Yayasan Kebajikan Karl Schlecht (Karl Schlecht Gemeinnützige Stiftung (KSG)) sebuah badan bukan berasaskan keuntungan. Matlamat penubuhannya adalah untuk menggalakkan penyelidikan dan pengajaran berkenaan etika global secara saintifik dan ilmiah kepada masyarakat. Ia mencakupi pelbagai bidang seperti agama-agama dunia, politik antarabangsa, ekonomi global, pendidikan dan budaya. Namun untuk masa ini ia memfokuskan kepada bidang ekonomi global.⁵¹

Program-program yang diadakan terdiri dari penganjuran kelas-kelas dan seminar. Ia juga akan terlibat secara langsung merangka program-program pengajian

⁴⁹ Global Ethic Institute, dicapai 5 Januari 2011, <http://www.weltethos.org/data-en/c-60-we-institut/61-002-we-institut-presse.php>.

⁵⁰ Guenther Gebhardt, (Koordinator Yayasan Etika Global) dalam temubual bersama penulis pada 25 April 2012.

⁵¹ Penyumbang dana untuk institut ini ialah seorang ahli perniagaan dan beliau berhasrat supaya institut memberi fokus kepada bidang ekonomi dan perniagaan. Oleh itu, aspek ekonomi adalah fokus pertama untuk gerak kerja awal di institut. Ia kemudiannya ia akan memberi fokus kepada pendidikan antara-budaya (*Intercultural education*). Guenther Gebhardt, (Koordinator Yayasan Etika Global) dalam temubual bersama penulis pada 25 April 2012.

untuk kursus-kursus yang pelbagai.⁵² Sehingga kini ia hanya dibuka untuk setiap pelajar universiti tanpa mengira latar pengajian namun pihak institut berhasrat menganjurkan program yang disasarkan kepada penduduk setempat.⁵³ Antara seminar-seminar yang telah dianjurkan ialah '*Professional ethics and attitude*', '*Ethical decision-making - ethical dilemmas*', '*Intercultural competence - Hinduism*' dan '*Business Ethics Case Studies*'.⁵⁴

Sehubungan itu jika sebelum ini pihak yayasan lebih menumpukan fokus pendidikan di sekolah maka dengan wujudnya institut ini maka ia bakal ditumpukan pula ke peringkat pengajian tinggi melalui penyelidikan akademik dan penyerapan gagasan etika global dalam pelbagai program pengajian tinggi di universiti. Tidak banyak kajian yang boleh dijalankan terhadap institut ini kerana ia baru sahaja ditubuhkan. Walau bagaimanapun ia mempunyai peranan besar memastikan idea-idea etika global terus relevan pada masa-masa yang akan datang melalui kajian dan penyelidikan yang dijalankan serta melalui pelajar-pelajar yang lahir dari program-program pengajian yang ditawarkan.

e. Muzik dan Sukan

Yayasan Etika Global turut mengembangkan gagasan etika global melalui kegiatan muzik dan sukan. Dua aspek ini turut diberi keutamaan penting kerana kedua-duanya berkait erat dengan kehidupan seharian masyarakat. Dalam aspek muzik, pihak yayasan diketuai Hans Kung telah berjaya menghasilkan simfoni muzikal agama-agama

⁵² Laman sesawang Global Ethic Institute, dicapai 5 Januari 2011, <http://www.weltethos.org/data-en/c-60-we-institut/61-002-we-institut-presse.php>.

⁵³ Dr. Guenther Gebhardt, (Kordinator Yayasan Etika Global) dalam temubual bersama penulis pada 25 April 2012.

⁵⁴ *Studium Sommersemester*, laman sesawang Weltethos-Institut, dicapai 18 Julai 2012, <http://www.weltethos-institut.org/index.php?id=38>.

yang dihasilkan melalui teks-teks agama dunia. Tema-tema etika global turut dimasukkan dalam muzikal tersebut dan dijadikan sebagai irama muzik.⁵⁵ Ia dipertontonkan untuk tayangan perdana dunia pada musim luruh 2011 yang melibatkan kumpulan koir kanak-kanak dan kumpulan orkestra simfoni Jerman, Philharmoniker Berlin.⁵⁶

Projek ini dikatakan sebagai usaha pertama menterjemahkan bidang antara-agama ke bidang muzikal. Etika global disasarkan kepada masyarakat umum melalui medium yang dekat dengan kehidupan seharian mereka iaitu muzik. Sebuah lagi persembahan koir dan orkestra turut diadakan pada Jun 2012 di Birmingham untuk Festival London 2012 yang diadakan bersempena sukan Olimpik di London. Lirik koir ini ditulis oleh Hans Kung yang menggabungkan petikan-petikan dari teks enam agama iaitu Yahudi, Kristian, Islam, Hindu, Buddha dan Konfusiusime.⁵⁷

Dalam konteks sukan pula, Yayasan Etika Global menggerakkan idea etika global melalui beberapa syarahan berkenaan sukan. Antaranya syarahan oleh Küng di *German Protestant Church Conference* di Hannover pada Mei 2005 yang bertajuk '*Global Sports and Global Ethic*'. Pembentangan syarahan etika global dan sukan ini dianggap penting kerana ia diadakan bersempena

⁵⁵ *Global Ethic and Music*, laman sesawang The Global Ethic Foundation, dicapai 11 November 2010, <http://www.weltethos.org/data-en/c-20-aktivitaeten/27-000-musik.php>.

⁵⁶ *Ibid.*

⁵⁷ Jonathan Harvey, *A Vision in Music: Weltethos*, buku program London 2012 Festival Opening Concert; Anthony Tommasini, *Something We Can All Agree On: Jonathan Harvey's 'Weltethos' in England*, laman sesawang The New York Times, dicapai 22 Jun 2012 <http://www.nytimes.com/2012/06/23/arts/music/jonathan-harveys-weltethos-in-england.html>.

kejohanan Piala Dunia 2006 di Jerman.⁵⁸ Di samping itu, pihak yayasan turut menjemput Dr. Jacques Rogge, Presiden Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa untuk menyampaikan *Global Ethic Lecture* yang keenam pada tahun 2006 dengan tajuk yang sama iaitu "*Global Sports and Global Ethic*".⁵⁹ Dalam konteks sukan, yayasan masih menumpukan kepada aspek akademik melalui syarahan yang dianjurkan. Penganjuran atau keterlibatan dalam bidang sukan yang membabitkan pihak yayasan sendiri masih belum dilaksanakan.

f. Penyelidikan dan Penulisan

Selain itu, Yayasan Etika Global turut menumpukan usaha dalam bidang penyelidikan dan penulisan. Ia menyokong para sarjana luar yang bersedia untuk mendalami dan menyebarkan kajian yang bertemakan etika global. Geran penyelidikan disediakan dengan menaja biasiswa untuk calon kedoktoran, memberi bantuan kewangan atau komisen untuk projek penyelidikan, memastikan lawatan penyelidikan berlangsung dan lain-lain.⁶⁰ Di samping itu, beberapa simposium dan seminar akademik dianjurkan oleh pihak yayasan pada setiap tahun⁶¹.

⁵⁸ Global Ethic and Sport, laman sesawang The Global Ethic Foundation, dicapai 11 November 2011, <http://www.weltethos.org/data-en/c-20-aktivitaeten/28-000-sport.php>.

⁵⁹ *Ibid.*

⁶⁰ Three Year Report of the Global Ethic Foundation, laman sesawang The Global Ethic Foundation, dicapai 11 November 2010, <http://www.weltethos.org/dat-english/09-3-year-report.htm>.

⁶¹ Antaranya seperti simposium '*Globale Unternehmen – globales Ethos*' [Global Companies – Global Ethic], di Baden-Baden pada tahun 2001 (melibatkan ahli ekonomi dan para pengurus dari syarikat-syarikat bertaraf antarabangsa); simposium '*Ein neues Paradigma der internationalen Beziehungen*' [A New Paradigm for International Relationships] di Tübingen pada tahun 2002 (melibatkan ahli sejarah, ahli sains politik dan pengkaji bidang keamanan); simposium '*Genese der Moral*' [The Genesis of Morality] di Tübingen pada tahun 2006 (melibatkan ahli teologi,

Selain itu, etika global turut dikembangkan melalui penulisan karya-karya yang menghuraikannya. Ia ditulis oleh ahli-ahli jawatankuasa dan para pendokong etika global yang sebahagian besarnya terdiri dari pelbagai latar akademik. Penulisan berkenaan etika global dihurai melalui pelbagai medium seperti agama, politik, ekonomi, falsafah, sains dan pendidikan.⁶²

Rumusan

Kesimpulannya, terdapat tiga inisiatif yang dilaksanakan oleh pihak yayasan iaitu aspek penyelidikan, pendidikan dan pertemuan dua hala dengan kelompok sasaran. Dari ketiga-tiga bidang kerja ini, pendidikan adalah tunjang dalam gerak kerja yayasan.⁶³ Golongan sasaran pula adalah pelbagai, dari pemimpin negara dan ahli akademik sehinggalah kepada masyarakat awam, mahasiswa universiti dan pelajar-pelajar sekolah. Walaupun terdapat pelbagai penyelidikan serta aktiviti membabitkan bidang antara-agama namun projek yang dirancang dan dilaksanakan oleh yayasan ini dijelaskan sebagai projek etika dan bukannya projek agama. Ini kerana bagi Yayasan Etika Global, apa yang harus difokuskan oleh mereka ialah 'pencarian titik bersama' yang membuka

ahli falsafah dan ahli biologi); simposium '*Science and Religion*' di Tübingen pada tahun 2006 (membabitkan ahli teologi dan golongan berkepakaran dalam sains); simposium '*Weltreligionen als Faktoren der Weltpolitik*' [World Religions as Factors for World Politics] di Tübingen pada tahun 2007 (melibatkan ahli akademik dari pelbagai agama dan ahli-ahli InterAction Council of Former Heads of State and Government); dan simposium '*Global Ethic, Law and Policy*' di Washington pada tahun 2011 (melibatkan pakar perundangan antarabangsa, sarjana undang-undang, sarjana sains politik dan etika). Draf buku 'A Global Ethic Handbook'.

⁶² Karya-karya penting yang berkait dengan etika global boleh dirujuk di laman sesawang The Global Ethic Foundation, dicapai 11 November 2010, <http://www.weltethos.org/data-en/c-40-literatur/42-weltethos-literatur.php#philosophie>.

⁶³ Guenther Gebhardt, (Koordinator Yayasan Etika Global) dalam temubual bersama penulis pada 25 April 2012.

ruang persefahaman antara-agama serta antara-budaya dan bukan sekadar menumpukan kepada aspek perbezaan sahaja.⁶⁴

Justeru, pihak yayasan tidak memberi fokus kepada aspek doktrin dan perbincangan teologi tetapi menumpukan kepada apa yang disebut sebagai 'aspek praktikal' yang berperanan membincang dan menangani isu-isu semasa dunia. Oleh itu, aktiviti-aktiviti yang dirancang dan dilaksanakan oleh yayasan ini dilihat perlu berkait dengan permasalahan, isu dan realiti semasa (ekonomi, budaya, alam sekitar, politik dan lain-lain) dan ia mestilah mampu dipraktikkan dalam kehidupan manusia.⁶⁵ Atas asas tersebut jugalah gagasan ini mendapat sokongan dari pelbagai pihak.

Selain itu, pihak yayasan dilihat berjaya mengembangkan etika global dalam beberapa aspek khususnya melalui politik dan pendidikan. Ia berjaya dimartabatkan sehingga menjadi topik utama perbincangan di peringkat antarabangsa dan membabitkan badan-badan antarabangsa yang berpengaruh. Namun demikian, impak ini dilihat tidak menyeluruh dan hanya membabitkan beberapa lokasi sahaja. Etika global mungkin berjaya dikembangkan secara meluas di Eropah khususnya di negara-negara yang mempunyai cawangan Yayasan Etika Global. Walau bagaimanapun ia tidak mendapat liputan yang luas di negara-negara yang lain

⁶⁴ *FAQ about the Global Ethic Project*, laman sesawang The Global Ethic Foundation, dicapai 11 Mac 2011, <http://www.weltethos.org/1-pdf/10-stiftung/eng/FAQ-eng.pdf>.

⁶⁵ Berkaitan perkara ini, usaha-usaha pihak yayasan ialah berkait dengan apa yang disebut sebagai dialog yang praktikal (*Practical dialogue*: dialog berkenaan isu-isu semasa, sebagai contoh berkenaan ekologi dan ekonomi serta bagaimana agama berperanan menangani isu-isu ini) dan tidak memfokuskan kepada dialog-dialog teologi dan spiritual. Guenther Gebhardt, (Koordinator Yayasan Etika Global) dalam temubual bersama penulis pada 25 April 2012.

khususnya di Asia. Ini kerana sebahagian besar aktiviti lebih tertumpu di lokasi yang sama.

Di samping itu, aktiviti dan kegiatan yayasan dilihat aktif di permulaan penubuhannya namun ia dilihat semakin berkurangan kebelakangan ini. Namun, usaha terbaru membentuk Institut Etika Global di salah sebuah institusi pengajian tinggi di Jerman dilihat antara usaha yang mampu memberi sumbangan besar dan berkekalan dalam mengembangkan etika global khususnya dalam bidang pendidikan.⁶⁶

Walau bagaimanapun, selain penumpuan kepada keberkesanan gerak kerja yang dilaksanakan, pihak yayasan juga seharusnya memberi fokus terhadap gagasan idea yang dibawa oleh mereka khususnya aspek keabsahan dan perakuannya sebagai sebuah nilai sejagat. Dakwaan berkenaan kedudukan etika global sebagai nilai yang dikongsi oleh setiap agama memerlukan perakuan dari setiap agama itu sendiri serta keselariannya dengan sumber-sumber agama yang dinyatakan. Oleh itu dalam konteks ini pihak yayasan perlu membabitkan wakil-wakil agama yang autoritatif dalam membincangkan gagasan yang ingin dibawa secara mendalam dan terperinci sebelum ia disebarluaskan ke ruang awam.

Wacana yang membabitkan pihak berautoriti dalam setiap agama perlu diperbanyakkan bagi membincangkan idea-idea yang dibawa oleh yayasan ini dan juga bagi memastikan keabsahannya sebagai sebuah gagasan yang bersifat sejagat. Walaupun dinyatakan perbincangan berkait aspek teologi tidak difokuskan bagi mengelakkan berlakunya perbezaan namun oleh kerana etika global merupakan idea yang membabitkan setiap agama dan dinyatakan ia sebagai sebahagian asas yang terdapat dalam setiap agama maka perbincangan berkenaannya perlu diberi perhatian. Oleh hal yang demikian, persoalan

⁶⁶ Guenther Gebhardt, (Kordinator Yayasan Etika Global) dalam temubual bersama penulis pada 25 April 2012.

penentuan gagasan ini untuk selayaknya dipanggil sebagai etika global merupakan keutamaan yang perlu didahulukan oleh pihak yayasan sebelum digerakkan pelbagai aktiviti yang lain.

Rujukan

- Bauschke, Martin. *Der Spiegel des Propheten: Abraham im Koran und im Islam*. Frankfurt: Lembeck, 2008.
- Council for a Parliament of the World's Religions, <http://www.parliamentofreligions.org>
- Council for a Parliament of the World's Religions. *Declaration Towards a Global Ethic*. New York: Continuum Publishing, 1993.
- Draf buku *A Global Ethic Handbook*, The Global Ethic Foundation. t.t.t: t.p, t.t.
- Global Ethic Foundation, <http://www.weltethos.org> dan <http://www.globaleconomicethic.org>.
- Global Ethic Foundation. *Global Economic Ethic - Consequences for Global Businesses*. Tubingen: Global Ethic Foundation, 2009.
- Global Ethic Institute, <http://www.weltethos.org/data-en/c-60-we-institut/61-002-we-institut-presse.php>
- Guenther Gebhardt (Koordinator Yayasan Etika Global, Tubingen) dalam temubual dengan penulis pada 25 April 2012.
- Harvey, Jonathan. *A Vision in Music: Weltethos*, buku program London 2012 Festival Opening Concert.
- Kung, Hans. *A Global Ethic for Global Politics and Economics*. New York: Oxford University Press, 1998.
- Kung, Hans. *Christianity: Its Essence and History*. London: SCM Press, 1995.
- Kung, Hans. *Islam: Past, Present and Future*. Oxford: Oneworld Publications, 2007.
- Kung, Hans. *Judaism: Between Yesterday and Tomorrow*. New York: Continuum, 1995.
- Kung, Hans. *My Struggle for Freedom*. New York: Continuum, 2004.

- Kuschel, Karl-Josef. "Parliament of the World's Religions 1893-1993." Dalam *A Global Ethic: A Declaration of the Parliament of the World's Religions*, ed. Hans Kung dan Karl-Josef Kuschel. New York: The Continuum International Publishing Group, 2006.
- Kuschel, Karl-Josef. *Abraham: Sign of Hope for Jews, Christians and Muslims*. New York: Continuum, 1995.
- Kuschel, Karl-Josef. *Juden, Christen, Muslime: Herkunft und Zukunft*. Dusseldorf: Patmos, 2007.
- Schlenzog, Stephan. *Der Hinduismus*. Munich: Piper, 2006.
- Schlenzog, Stephan. *Die Weltreligionen für die Westentasche*. Munich: Piper, 2008.
- The Global Ethic Foundation. *Global Ethic Foundation*. t.t.t: t.p, t.t.
- Tommasini, Anthony. Something We Can All Agree On: Jonathan Harvey's 'Weltethos' in England, The New York Times, <http://www.nytimes.com/2012/06/23/arts/music/jonathan-harveys-weltethos-in-england.html>
- UN Commission for Global Governance. *Our Global Neighborhood: Report of the Commission on Global Governance*. Oxford: Oxford University Press, 1995.

Mohd Khairul Naim, "Sorotan Perkembangan Projek Etika Global," *Afkar* 14
(2013): 51-78